

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 OGOS 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 21

## Program modal insan NCER bantu tingkat sosioekonomi Lata Kinjang

# Program modal insan NCER bantu tingkat sosioekonomi Lata Kinjang

**Chenderiang:** Pengunjung Taman Eko Rimba Lata Kinjang kini berpeluang mengunjungi dan melakukan pelbagai aktiviti menarik selepas ia dinaik taraf mulai 30 Julai lalu.

Taman yang kini di bawah kelolaan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang (KOALK) itu menawarkan aktiviti dan kemudahan termasuk bermalam di bilik penginapan berhawa dingin (Tube Cabin) atau tapak perkhemahan berdekatan dengan air terjun tertinggi di negara ini.

Air Terjun Lata Kinjang tersenarai antara air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara dengan ketinggian melebihi 850 meter dan dapat dilihat ketika melalui Lebuh Raya Utara-Selatan.

Lebih istimewa, taman yang terletak di Kampung Orang Asli Lata Kinjang ini mempunyai tarikan tersendiri, iaitu persembahan tarian tradisional sewang oleh Kumpulan Tarian Sewang bagi meraikan kedatangan tetamu.

Taman yang sememangnya terkenal sebagai kawasan ekopelancongan ini dilihat berpotensi maju oleh pihak berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCLA).

Justeru, NCLA merancang pel-



Taman Eko Rimba Lata Kinjang dikelola KOALK menawarkan aktiviti dan percutian menarik.

(Foto ihsan UMP Advanced Education)

bagai pelan tindakan yang di- kelolakan oleh UMP Advanced Education sebagai penyedia perkhidmatan, selain bertujuan memenuhi keperluan sosioekonomi dan membuka peluang pekerjaan terutama kepada masyarakat

Orang Asli.

Langkah itu juga seiring dengan Hari Antarabangsa Orang Asli Sedunia pada 9 Ogos lalu.

Antara yang dilakukan ialah Program JomNiaga@NCER dengan menawarkan beberapa

kursus kemahiran seperti Kursus Kulinari, Kursus Pengurusan Fasiliti, Kursus Jahitan Kreatif, Kursus Urutan Refleksologi, Kursus Baikpulih Elektrik serta Kursus Mobil Fotografi.

Ia mendapat sambutan hebat

apabila 63 peserta Orang Asli dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengikuti kursus bermula April 2021 sehingga Mac 2022 lalu.

### Peluang tingkat taraf hidup

Peserta kursus, Nur Shawala Osman, 35, berkata beliau bersyukur kerana menerusi penyertaan program ini, beliau memperoleh peluang pekerjaan di tiub chalet.

"Lagi pun tempat kerja tidak jauh dari rumah, jadi mudah untuk saya berulang alik dan dalam masa sama mempunyai pendapatan.

"Di sini terdapat 10 tiub chalet yang lengkap dengan tempat tidur dan penghawa dingin untuk keselesaan kepada penginap yang ingin merasai pengalaman pada waktu malam di tepi sungai," katanya yang bertugas sebagai pekerja pembersihan.

Melihat kepada sambutan itu, usaha pemerksaan masyarakat ini perlu digiatkan demi kelangsungan bangsa, adat dan budaya yang tiada gantinya.

Mereka perlu diberi peluang untuk meningkatkan taraf hidup seiring kemajuan pascaglobalisasi.